



LAPORAN TAHUNAN 2020

PUSAT PENGURUSAN STRATEGI &
KUALITI (SQM)

ILMU | KEIKHLASAN | KECEMERLANGAN

ISI KANDUNGAN

Sidang Editorial	1
Perutusan Penolong Naib Canselor	4
Visi, Misi dan Nilai-Nilai Teras	6
Piagam Pelanggan	7
Latar Belakang	8
Carta Organisasi	9
Kakitangan SQM	10-11
Petunjuk Prestasi Utama	12
Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko	13-28
• Laporan Aktiviti 2020	29-57
Bahagian Kualiti dan Akreditasi	58-64
• Laporan Aktiviti 2020	65-93
Laporan Latihan Kakitangan 2020	94-116
Laporan Cuti Kakitangan 2020	117-118
Laporan Kewangan 2020	119
• Laporan Perbelanjaan SQM 2020	120
• Laporan Kewangan SQM 2020	121-122

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad, Naib Canselor UniMAP

KETUA EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

PENOLONG KETUA EDITOR

Prof. Madya Dr. Norshahrizan Nordin

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi

EDITOR

Pn. Rozila Romali

Pn. Nurul Asyikin Fadzil

Pn. Noora Md Yusoff

En. Muhammad Hidham Haris

PEREKA GRAFIK & FOTOGRAF

En. Mohd Fazlie Yusoff





**PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN
PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK) –
sehingga 15 April/14 September 2020**



**PASUKAN PUSAT PENGURUSAN STRATEGI &
KUALITI (SQM) – bermula 16 April / 15
September 2020**

PENOLONG NAIB CANSELOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar bagi Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM). Seperti entiti lain di UniMAP, pasukan SQM perlu mengambil pendekatan fleksibel dalam operasi dan perancangan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Dalam ketidakstabilan yang dicituskan oleh wabak tersebut, perubahan besar yang berlaku di UniMAP iaitu penstrukturan semula organisasi telah juga memberi kesan kepada struktur dan operasi SQM dalam pelbagai bentuk.

Pertama, pada 15 April 2020, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) dinamakan semula sebagai Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM). Langkah ini diambil untuk memastikan nama entiti ini selari dengan, dan menggambarkan secara jelas, skop dan bidang tugas SQM yang diperluaskan susulan penstrukturan tersebut. Struktur SQM yang baharu mengandungi dua bahagian utama iaitu Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko, dan Bahagian Kualiti dan Akreditasi. Fungsi akreditasi diserahkan kepada UniMAP daripada Bahagian Pengurusan Akademik (nama sebelum penstrukturan semula) dan pengurusan risiko ialah fungsi baharu yang belum pernah wujud di UniMAP sebelum ini. Perluasan skop menuntut semakan semula bidang tugas semua pegawai dan lekuk pembelajaran yang curam bagi pasukan SQM memandangkan operasi perlu terus dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Kedua, penstrukturan semula juga membawa kepada pertukaran kakitangan di SQM. Terima kasih saya ucapkan kepada Dr Mohd Hanafi Mat Som, Timbalan Pengarah PUSPEK/ Ketua Bahagian Kualiti dan Akreditasi SQM yang tamat perkhidmatannya di SQM dan kembali ke tugas hakiki di fakulti pada 15 September 2020. Penghargaan SQM juga ditujukan kepada En Abdul Ghani bin Fathil, En Budiman Ikhwandee bin Fadzilah, En Mohamed Roshimi Bin Md Shahor, Puan Norzamira bte Man dan Puan Liyana Bt Abdul Halim @ Selvaratnam yang telah bertukar masing-masing ke jabatan lain dan fakulti kerana tuntutan perkhidmatan. Sumbangan dan jasa semua kakitangan yang disebutkan amat saya hargai. Namun, pertukaran tersebut sedikit sebanyak menyebabkan SQM kehilangan *tacit knowledge* tentang operasi rutin yang ada pada kakitangan yang berpindah. Hal ini bermakna kakitangan baharu perlu mengambil sedikit masa untuk membiasakan diri mereka di SQM, dan cabaran ini menjadi dua kali ganda bagi kakitangan baharu yang

dipertanggungjawabkan dengan skop baharu SQM iaitu pengurusan risiko dan akreditasi memandangkan sumber rujukan tiada atau sedikit sahaja di SQM. Namun Alhamdulillah cabaran ini berjaya diatasi dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam kalangan staf SQM. Selamat datang kepada Prof Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi, Puan Rozila Romali, Puan Noora binti Md. Yusoff dan Puan Azfa binti Ahmad.


Beberapa perkara besar yang dilaksanakan oleh SQM pada tahun 2020 termasuklah semakan semula UniMAP 2025, penilaian akreditasi yang dilaksanakan secara maya buat pertama kali, audit kualiti yang dilaksanakan secara separa-maya, penggubalan dan kelulusan Polisi Risiko Universiti Malaysia Perlis, dan beberapa siri penyelarasan data untuk pelbagai sistem penarafan dan pemeringkatan. Tahun 2020 juga menyaksikan penubuhan Jawatankuasa Penarafan dan Pemeringkatan Global UniMAP (UGRC) dan pengambilalihan fungsi akreditasi semua program di UniMAP.

Alhamdulillah, banyak perkara baharu yang pasukan SQM pelajari pada tahun 2020, dan kesemua ini akan dijadikan asas untuk penambahbaikan berterusan dan pemantapan SQM pada tahun 2021 dan seterusnya. Saya ucapkan terima kasih kepada pasukan SQM kerana telah menjunjung amanah dan tanggungjawab sebaik mungkin. Terima kasih juga kepada Naib Canselor dan pihak pengurusan tertinggi universiti atas sokongan yang diberikan kepada SQM.




Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

Penolong Naib Canselor
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)




VISI

Universiti Teknikal yang berdaya saing di
persada antarabangsa



MISI

Melahirkan insan kamil yang menyumbang
kepada agenda pembangunan dan daya saing
industri negara



NILAI TERAS

ILMU ● KEIKHLASAN ● KECEMERLANGAN

PIAGAM PELANGGAN

SQM beriltizam dalam menyediakan perkhidmatan profesional, efektif dan efisien; serta peka terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan melalui:

- Menyediakan laporan pencapaian strategik universiti dalam tempoh lima (5) hari selepas verifikasi data telah dibuat oleh pemilik data;
- Memastikan latihan, perundingan dan audit yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang telah dipersetujui antara SQM dan PTj dilaksanakan dengan berkesan seperti yang dirancang;
- Memastikan penyebaran maklumat berkaitan Pengurusan Strategik/Petunjuk Prestasi daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dibuat dalam tempoh lima (5) hari selepas maklumat diterima, dan penghantaran maklumat kepada KPT dibuat dalam tempoh yang ditetapkan;
- Membuat perancangan penyediaan dan pengendalian akreditasi program akademik Universiti secara berjadual/berkala;
- Memastikan data bagi Indeks Kepuasan Staf dan Indeks Kesejahteraan Pelajar disediakan dan dilapor kepada pengurusan Universiti sebelum Mac setiap tahun;
- Memberi khidmat perundingan berkaitan KIK dan 5S kepada semua PTj sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) bulan;
- Memastikan Laporan Tahunan SQM disediakan sebelum 15 Disember setiap tahun, dan Laporan Prestasi UniMAP disediakan pada 1 Februari setiap tahun;
- Menyediakan Infostruktur Sistem Pengurusan Strategik dan Sistem Pengurusan Kualiti yang mesra pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan.




LATAR BELAKANG

SQM bermula sebagai Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK) yang dibangunkan pada 2009. PUSPEK adalah gabungan dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK). Pada April 2020 PUSPEK dijenamakan semula sebagai Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) selaras dengan penstrukturan semula pusat tanggungjawab di UniMAP. Fungsi SQM ialah seperti berikut:

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan berfungsi sebagai rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pemantapan kualiti di UniMAP; mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti (seperti audit kualiti, 5S, KIK), terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP; menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjanaan pendapatan UniMAP;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksana aktiviti berkaitan dengan akreditasi dan pengiktirafan program pengajian di UniMAP selaras dengan keperluan badan kelayakan tempatan dan/atau antarabangsa;
- Memastikan program yang ditawarkan mencapai dan memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan oleh badan kelayakan tempatan dan/atau antarabangsa untuk tujuan pengiktirafan dan akreditasi;
- Melaksanakan tugas/projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP.

CARTA ORGANISASI



KAKITANGAN SQM



NAMA : Prof. Dr. Harshita Aini Haroon
JAWATAN : Penolong Naib Canselor
STATUS : Tetap



NAMA : Prof. Madya Dr. Norshahrizan Nordin
JAWATAN : Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko
STATUS : Tetap



NAMA : Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi
JAWATAN : Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi
STATUS : Tetap



NAMA : Nurul Asyikin Fadzil
JAWATAN : Pegawai Tadbir
STATUS : Tetap



NAMA : Rozila Romali
JAWATAN : Pegawai Tadbir
STATUS : Tetap



NAMA : Noora Md Yusoff
JAWATAN : Pegawai Tadbir
STATUS : Tetap



NAMA : Muhammad Hidham Haris
JAWATAN : Pegawai Tadbir
STATUS : Kontrak

KAKITANGAN SQM



NAMA : Azfa Ahmad
JAWATAN : Setiausaha Pejabat
STATUS : Tetap



NAMA : Azimah Aziz @ Azaib
JAWATAN : Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)
STATUS : Tetap



NAMA : Mohd Fazlie Yusoff
JAWATAN : Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)
STATUS : Kontrak



NAMA : Suhana Shaari
JAWATAN : Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)
STATUS : Kontrak



NAMA : Hasmizul Hashim
JAWATAN : Pembantu Am Pejabat
STATUS : Tetap

Jumlah Staf : 12
Staf Tetap : 9
Staf Kontrak : 3

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2020

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

PENUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN	
	Bilangan Program Perkongsian Kepakaran	3	3
	Bilangan Program CSR	1	0
	Bilangan konsultasi aktif untuk pensijilan dalaman ISO.	1	1
	Bilangan konsultasi untuk pemantapan projek KIK	2	0
	Bilangan kajian kesihatan korporat yang dihasilkan.	2	2
	Bilangan program pemantapan/ pengukuhan strategi.	2	2



BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

BAHAGIAN STRATEGI DAN PENGURUSAN RISIKO


Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko bermula pada 15 April 2020 di SQM. Sebelum itu, semasa di Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK), ianya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Korporat. Bahagian ini memainkan peranan dalam membangunkan kerangka perancangan strategik UniMAP dan mengukur prestasi utama (KPI) berserta struktur governans dan kaedah pelaksanaan dan pemantauan KPI mengikut kaedah yang bersesuaian. Bahagian ini juga ditugaskan untuk memantau projek dan inisiatif untuk pencapaian sasaran KPI bagi UniMAP 2025 dan menilai tahap pencapaian yang disasarkan. KPI peringkat kebangsaan yang diwajibkan ke atas Universiti diintegrasikan dengan UniMAP 2025 untuk tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pengukuran prestasi. Bahagian ini juga berperanan untuk mendapatkan data, menganalisis dan membekalkan maklumat kepada Pengurusan Tertinggi Universiti berkaitan prestasi universiti untuk membantu dalam pembuatan keputusan berkaitan perkara-perkara berikut iaitu sistem penarafan dan pemeringkatan tempatan dan global universiti (contohnya SETARA, Quacquarelli Symonds (QS), Times Higher Education (THE) dan Clarivate Analytics (CA) dan pangkalan data peringkat kebangsaan seperti MyMOHES dan sebagainya. Bahagian ini juga perlu memastikan sistem pengurusan risiko berkaitan dengan perancangan strategik universiti dilaksanakan dengan sempurna.

PELAN STRATEGIK UniMAP

SQM memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pemantauan pelan strategik UniMAP. Sebagai pusat yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan strategi universiti, SQM memastikan bahawa strategi universiti disebar luaskan kepada semua pemegang taruh UniMAP. SQM juga memantau pembangunan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pelan yang ditetapkan, yang dikenali sebagai UniMAP 2025. SQM memainkan peranan utama dalam memastikan aspirasi yang ditekankan oleh KPT dalam PPPM (PT) 2015-2025 diberi tumpuan dalam strategi korporat UniMAP. Hal ini dilaksanakan melalui kerangka strategi dan inisiatif ke arah memastikan aspirasi tersebut dicapai, selain memenuhi keperluan agenda utama universiti. KPI berkaitan dengan PPPM (PT) diintegrasikan dalam Pelan Strategik UniMAP 2025 untuk memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian sasaran berlaku dan untuk memudahkan operasi pemantauan. Pemantauan pelaksanaan inisiatif dan pelan tindakan dilaksanakan secara berterusan manakala pemantauan pencapaian dibuat setiap suku tahun melalui sistem pengurusan prestasi ePIC.

UniMAP 2025 berpaksikan IMPAK, iaitu Insan, (nilai) Murni, Proses (yang cekap), Antarabangsa dan Komuniti. Pelan tersebut yang mencakupi tempoh 2018-2025 dan mempunyai tiga fasa pelaksanaan (Fasa I, II dan III) yang melibatkan secara aktif pemilik teras utama dan teras pemangkin dalam pelaksanaan aktiviti pada pelbagai peringkat pengurusan di universiti. Lapan teras UniMAP 2025 ialah Teras Utama Akademik,

Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Kesejahteraan Pelajar, Pengantarabangsaan, Libat Sama dan Pembangunan Komuniti, sementara Teras Pemangkin ialah Kecemerlangan Bakat, Pemantapan Infrastruktur dan Kelestarian Kewangan.



PELAN PELAKSANAAN UniMAP 2025


Prestasi, pelaksanaan dan pencapaian UniMAP 2025 dipantau oleh SQM, melalui platform dalam talian <http://epic.unimap.edu.my/>. Sistem ePIC dibangunkan sebagai platform dalam talian yang membantu dalam pengurusan prestasi dan pelan strategik universiti. Sistem tersebut berfungsi sebagai rujukan tunggal untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkaitan Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), sasaran, inisiatif dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan bertujuan mencapai sasaran bagi KPI yang ditetapkan. Paparan grafik, diagram interaktif dan carta digunakan untuk memastikan data dan maklumat dapat difahami dengan mudah. Semua warga universiti mempunyai akses kepada ePIC tanpa keperluan sebarang kata laluan. Pengurusan sistem ePIC turut dibantu oleh pegawai khusus dari Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) UniMAP.

Melalui sistem ePIC Versi 2 yang dimulakan pada tahun 2013 (pendaftaran Sijil Hak Cipta CRLY00021677) dan ePIC Versi 3 (pendaftaran Sijil Hak Cipta CRLY00021673), platform ini membolehkan pencapaian semua Teras pada waktu sebenar. UniMAP 2025 ditadbir urus

melalui dua jawatankuasa (JK) khusus iaitu JK Teknikal UniMAP 2025 dan JK Pemandu UniMAP 2025. JK Teknikal dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor SQM (atau wakil) untuk meneliti pencapaian secara terperinci sebelum dibentangkan dalam mesyuarat JK Pemandu UniMAP 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Naib Canselor. JK Pemandu bersidang setiap suku tahun, sebanyak 4 kali setahun, untuk meneliti pencapaian dan membincangkan isu serta fasilitasi yang diperlukan untuk memastikan sasaran mampu dicapai. Semakan sasaran dibenarkan, berdasarkan perubahan persekitaran dan dinamika global.

Pegawai DMDC yang bertanggungjawab: En Mohamed Roshimi Md Shahor

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil



SISTEM PENINGKATAN KUALITI DATA KPM (MyMoheS)

SQM menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan input kepada sistem MyMoheS, yang dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sistem tersebut berfungsi sebagai repositori data bagi semua universiti awam (UA) dalam domain berikut:

- Staf
- Pelajar
- Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersialan (R&D&C)
- Maklumat institusi

MyMoheS merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian Data atau maklumat antara KPT, Institusi pengajian tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan yang memerlukan keseragaman maklumat. Sistem ini sekaligus membantu universiti dan pihak kementerian dalam menyediakan perancangan, menggubal dasar dan membangunkan sistem pangajian tinggi dengan lebih berkesan. Memandangkan MyMoheS diandaikan sebagai pembekal data universiti yang utama, data yang dibekalkan perlu disahkan dan integriti data perlu dipelihara. SQM memastikan keperluan ini sentiasa dipenuhi. Proses kemasukan data dilaksanakan dengan kerjasama antara pemilik utama data berkaitan dan kumpulan pegawai teknologi maklumat daripada DMDC UniMAP. Mekanisme penarafan bintang digunakan oleh KPT dalam menilai data yang dibekalkan ke sistem MyMoheS, iaitu tertakluk kepada kriteria berikut: kualiti data, kesempurnaan data dan ketepatan masa. SQM komited dalam memastikan data dari UniMAP memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan. Pada tahun 2020, UniMAP telah berjaya mencatat kejayaan yang membanggakan dengan mendapat penarafan 5 BINTANG dalam Data MyMohes bagi keseluruhan.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En. Budiman Ikhwandee Fadzilah & Puan Rozila Romali

Pegawai DMDC yang bertanggungjawab: En. Mohamed Roshimi Md Shahor

RATING SYSTEM FOR MALAYSIAN HIGHER EDUCATION (SETARA)

SETARA, satu inisiatif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah KPT, merujuk kepada Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ia direka bentuk untuk membantu universiti memberi tumpuan kepada tiga teras utama institusi, dalam usaha ke arah kecemerlangan institusi. Hal ini dilaksanakan dengan merujuk kepada metrik penilaian dan pentaksiran yang relevan, yang justeru diberi tumpuan oleh UniMAP. SQM menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan penilaian SETARA dalam fungsi teras pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Berikut adalah kronologi pengumpulan data di UniMAP berkaitan penyertaan dalam SETARA 2018/2019:

Bil	Tarikh	Perkara
1	27 Mei 2019	Taklimat SETARA-2019 (KPT)
2	18 Jun 2019	Taklimat SETARA kepada Pemilik Data UniMAP
3	26 Jun 2019	Mengemaskini data & maklumat keperluan SETARA 2019
4	11-12 Jul 2019	Klinik SETARA 2019
5	23 Jul 2019	Sesi pembentangan data SETARA 2019 kepada Penolong Naib Canselor
6	24 Jul 2019	Penyerahan salinan dokumen bukti/sokongan data SETARA
7	29 Jul 2019	Penghantaran dokumen bukti SETARA ke KPT
8	13 Mei 2020	Mesyuarat verifikasi data SETARA 2019
9	15 Jun 2020	Makluman pelaksanaan audit SETARA 2019 secara audit <i>desktop</i>
10	19 Jun 2020	Penyediaan dokumen sokongan bagi tujuan pelaksanaan audit SETARA secara audit <i>desktop</i>
11	Jul – Sep 2020	Sesi rundingan data bersama PWC
12	18 Sep 2020	Laporan akhir pengesahan data oleh PWC
13	23 Sep 2020	Pengesahan laporan penilaian SETARA 2018/2019 UniMAP oleh Naib Canselor
14	18 Dis 2020	Keputusan SETARA 2018/2019 – 5 BINTANG <i>Very Competitive</i>
15	8 Jan 2021	Mesyuarat penjelasan penarafan SETARA 2018/2019 oleh JPT bersama UniMAP
16	11 Jan 2021	Majlis Apresiasi SETARA 2018/2019

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Dr Mohd Hanafi Mat Som & Puan Nurul Asyikin Fadzil

OUTCOME BASED BUDGETING (OBB)

Outcome Based Budgeting (OBB) adalah sebuah sistem yang berasaskan penilaian prestasi berasaskan hasil/pencapaian dengan mengadaptasi pendekatan berasaskan keberhasilan (*outcome*). Melalui pendekatan bersepadu ini, Jabatan perlu mempunyai hubungan sistematik antara perancangan pembangunan nasional dengan sistem kewangan (OBB) dan prestasi, serta pemantauan dan penilaian sebagai sokongan kepada pihak pengurusan. Dalam pendekatan OBB, penekanan diberikan kepada impak dan keberkesanan projek dan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan output semata-mata. Melalui sistem OBB, perbelanjaan Kerajaan memberi penekanan kepada “Value for Money” serta program dan projek yang mempunyai kesan penggandaan tinggi. Pemantauan berterusan di bawah OBB dapat menyediakan maklumat bagi tujuan penilaian dan pelaporan keberhasilan.

KPI yang ditetapkan untuk tujuan OBB diintegrasikan pelaksanaan dan pemantauannya dengan UniMAP 2025, malahan dipantau melalui sistem ePIC. SQM bekerjasama rapat dengan Jabatan Bendahari UniMAP untuk pengemaskinian data OBB melalui sistem yang memerlukan input data mengikut KPI yang telah ditetapkan dengan kadar dan keperluan maklumat yang dikehendaki oleh pihak KPT. Semua data yang dihantar perlulah mendapatkan pengesahan daripada YBhg. Naib Canselor. Pengemaskinian data OBB ini bertujuan untuk memenuhi keberhasilan yang ditetapkan dalam Kerangka Keberhasilan Nasional (NRF).

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil

PETUNJUK PRESTASI KEMENTERIAN (MPI)

MPI telah diturunkan daripada KPT kepada semua Universiti Awam (UA) untuk memastikan konsistensi fokus dan pelaksanaan dalam keseluruhan sistem pengajian tinggi. Pencapaian setiap UA dipantau oleh KPT, berdasarkan lima (5) MPI seperti berikut:

1. Bilangan kolaborasi penyelidikan dengan institusi yang tersenarai dalam *TOP 50 QS World University Rankings*.
2. Bilangan penyelidik utama yang menjalankan kolaborasi penyelidikan (antarabangsa dan industri) untuk program *MYPAIR*.
3. Peratus kebolehpasaran graduan IPT.
4. Bilangan pelajar antarabangsa yang mengambil bahagian dalam perhimpunan pelajar antarabangsa.
5. Bilangan rakan sepadan di bawah *Edu tourism*.

SQM dipertanggungjawabkan untuk pengemaskinian data MPI dan penghantaran data ke KPT dua (2) kali setahun. Pemantauan data dan pelaksanaan inisiatif/aktiviti diletakkan di bawah tanggungjawab pemilik data yang dikenal pasti berdasarkan MPI yang ditetapkan. MPI ini telah dibuat pelataan dengan UniMAP 2025 dan pencapaiannya dipantau melalui sistem ePIC.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil

KECEMERLANGAN GLOBAL UniMAP [SISTEM PENARAFAN & PEMERINGKATAN QUACQUARELLI SYMONDS (QS), TIMES HIGHER EDUCATION (THE) DAN CLARIVATE ANALYTICS (CA) Web of Science]

Selain terlibat dengan sistem penilaian dalaman (peringkat universiti dan dalam negara) berkaitan kekuatan university seperti SETARA dan Malaysia Research Assessment (MyRA), UniMAP juga terlibat dengan penilaian daya saing universiti yang dilaksanakan oleh sistem penarafan dan pemeringkatan pada peringkat global. Tiga sistem utama tersebut ialah QS, THE dan CA. Bagi QS, UniMAP terlibat dengan penilaian berikut: QS World University Rankings (WUR), QS Asia University Rankings, QS Subject Rankings dan QS STARS. Bagi THE pula, UniMAP dinilai dalam THE WUR, THE Asia University Rankings, THE Subject Rankings, THE Emerging Economies University Rankings, THE Young University Rankings dan THE Impact Rankings. Data yang perlu dihantar untuk tujuan penilaian disahkan dahulu oleh Naib Canselor UniMAP. Setelah Jawatankuasa Sistem Penarafan dan Pemeringkatan Global (UGRC) UniMAP ditubuhkan pada 19 Jun 2020, pengesahan dibuat melalui mesyuarat UGRC. Berikut adalah jadual penghantaran data sepanjang tahun 2020:

Bil	Rankings/Rating Global Excellence	Submission Date
1	<i>THE Global Impact Rankings (GIR) 2021 (Data 2018)</i>	
	Proses kutipan data	1/9/2019 – 1/12/2019
	Input data THE GIR ke portal THE	1/12/2019
	Verifikasi data THE GIR oleh THE Centre	2/12/2019 3/12/2019 4/12/2019 20/2/2020 21/2/2020
	Keputusan THE GIR Ranked 601+	22/4/2020
2	<i>QS Academic and Employer Reputation Survey 2021</i>	
	Proses kutipan data	1/11/2019 – 1/12/2019
	Penghantaran data ke dalam hub QS	30/1/2020
3	<i>QS World University Rankings 2021 (Data 2019)</i>	31/1/2020
	Verifikasi data QS WUR oleh QS Centre	24/3/2020 25/3/2020 26/3/2020 27/3/2020
	Keputusan QS WUR 2021 Ranked 801-1000	10/6/2020

4	<i>QS University Rankings: Asia Region 2021 (Data 2019)</i>	27/3/2020
	Verifikasi data QS WUR Asia oleh QS Centre	21/9/2020 22/9/2020
	Keputusan QS WUR Asia 2021 Ranked 207, Top 31%	25/11/2020
5	<i>THE World University Rankings 2021 (Data 2018)</i>	
	Penerimaan makluman e-mel dari THE WUR untuk input data	2/3/2020
	Penghantaran e-mel kepada Pemilik Data UniMAP	4/3/2020
	Tarikh asal input data dalam portal THE WUR	30/3/2020
	Penghantaran data THE WUR	2/4/2020
	Perubahan tarikh input data dalam portal THE WUR	17/4/2020
	Verifikasi data THE WUR oleh QS Centre	21/4/2020
	Penghantaran semula data THE WUR	22/4/2020 24/4/2020 28/4/2020 1/5/2020
	Keputusan THE WUR Top 1001+	3/9/2020
6	<i>Clarivate Analytics Web of Science 2021 (Data 2018)</i>	
	Proses pengumpulan data CA	6/4/2020
	Verifikasi data	24/4/2020
	Penghantaran data ke portal CA	9/5/2020
	Keputusan US News and World Report Best Global University Rankings #563 in the World and Ranked 10th Malaysian Best Universities for Engineering	23/10/2020
7	<i>QS Stars Online Distance Learning 2021 (Data 2020; COVID-19)</i>	
	Penerimaan e-mel jemputan dari QS dan urusan perundingan untuk penghantaran data melibatkan implikasi kewangan USD5000	2/4/2020 3/4/2020 7/4/2020 22/4/2020 4/5/2020 8/5/2020 9/6/2020
	Penerimaan template dari QS dan perbincangan bersama AMC untuk pengumpulan data	12/6/2020

	Urusan pembayaran yuran USD5000 menggunakan bajet UniMAP 2025 Teras Akademik (Invois 63202)	17/6/2020
	Penghantaran e-mel oleh AMC kepada Pusat-Pusat Pengajian	18/6/2020
	Tarikh akhir penghantaran data kepada SQM	28/6/2020
	Verifikasi data & pembentangan kepada YBhg. Naib Canselor dan TNC Akademik & Antarabangsa	3/7/2020
	Proses verifikasi data oleh pihak QS Stars	6/7/2020
		20/7/2020
		30/7/2020
		18/8/2020
		31/8/2020
		23/9/2020
		25/9/2020
	12/10/2020	
	Keputusan QS Stars Online Learning	19/10/2020
	<i>THE Global Impact Rankings 2022 (Data 2019)</i>	
8	Taklimat THE GIR 2022 bersama Timbalan-Timbalan Dekan Pusat Pengajian, Pengerusi Rancangan JIPK, RMC, Ketua-Ketua Institut, dan Ketua-Ketua COE	26/8/2020
	Taklimat THE GIR 2022 bersama Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Pejabat Penasihat Undang-Undang & Integriti	9/9/2020
	Sesi Perbincangan THE GIR 2022 bersama Timbalan Dekan JIPK, CEicNet dan AMC	21/9/2020
	Sesi Perbincangan THE GIR 2022 bersama Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari	22/9/2020
	Pembentangan Data THE GIR 2022 kepada YBhg. Naib Canselor dan YBhg. TNC A&A	17/11/2020
	Penghantaran data THE GIR 2022 ke dalam portal THE	17/11/2020
9	<i>QS Academic and Employer Reputation Survey 2022</i>	
	Perbincangan QS Academic Reputation bersama Pusat Pengurusan Akademik (AMC)	24/8/2020
	Taklimat QS Academic & Employer Reputation Survey 2022 bersama Timbalan-Timbalan Dekan Pusat Pengajian, Pengerusi Rancangan JIPK, RMC, Ketua-Ketua Institut, dan Ketua-Ketua COE	26/8/2020
	Perbincangan QS Academic & Employer Reputation Survey 2022 bersama Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC) Bil.1/2020	26/8/2020

Perbincangan QS Academic & Employer Reputation Survey 2022 bersama Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC) Bil.2/2020	2/9/2020
Sesi Perbincangan QS Academic & Employer Reputation Survey 2022 bersama Timbalan Dekan JIPK, CEicNet dan AMC	21/9/2020

Selepas data dihantar ke dalam hub QS, portal THE dan portal CA, jika terdapat sebarang perubahan data yang memerlukan justifikasi, pihak berkenaan akan kembali menghubungi pasukan SQM. Maklum balas/justifikasi akan dimasukkan ke dalam *message box* bagi QS, manakala bagi THE dan CA telah dinyatakan dalam ruangan *Caveat* yang telah disediakan. Sepanjang tahun 2020, bagi data QS dan THE, kedua-duanya melalui proses penilaian semula data untuk beberapa kali sehinggalah jawapan dari UniMAP diterima sepenuhnya oleh pihak QS/THE. Untuk QS Stars ODL 2020, data dihantar sepenuhnya melalui e-mel. Kualiti data bagi sistem penarafan QS Stars ODL telah melalui lima (5) kali proses verifikasi sehinggalah maklumat pencapaian diterima sepenuhnya oleh pihak QS. Berikut adalah pencapaian dalam agenda Kecemerlangan Global UniMAP sepanjang tahun 2020:

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Prof. Madya Dr. Norshahrizan Nordin, Puan Nurul Asyikin Fadzil, Puan Liyana Abdul Halim, Puan Norzamira Man, En. Budiman Ikhwandee Fadzilah, En. Mohamed Roshimi Md Shahor & Puan Rozila Romali



**QS UNIVERSITY RANKINGS:
ASIA REGION 2021
RANKED 207, TOP 31%,
(25/11/2020)**



**THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2021
– BY SUBJECT
ENGINEERING & TECHNOLOGY
RANKED 801+
(28/10/2020)**



**CLARIVATE ANALYTICS WEB OF SCIENCE
US NEWS AND WORLD REPORT BEST
GLOBAL UNIVERSITY RANKINGS 2020
#563 in the World
RANKED 10th Malaysian Best Universities
for Engineering
(23/10/2020)**



**QS STARS ONLINE LEARNING
(COVID-19 PANDEMIC)
(19/10/2020)**



**THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2021
(3/9/2020)**



**QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2021
RANKED 801-1000
(10/6/2020)**



**THE Young 2020
RANKED 151 – 200
(24/6/2020)**



**THE ASIA RANKINGS 2020
RANKED 165th
(3/6/2020)**



**THE IMPACT RANKINGS 2020
RANKED 601+
(22/4/2020)**



**QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY
SUBJECT 2020
RANKED 451-500
ENGINEERING – ELECTRICAL &
ELECTRONIC
(4/3/2020)**



**THE EMERGING ECONOMIES UNIVERSITY
RANKINGS 2020
RANKED 196th
(17/2/2020)**

BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO

Bahagian Pengurusan Risiko bertindak sebagai urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti. Bahagian ini bertanggungjawab dalam membangunkan sistem pemantauan dan pelaporan risiko dalam kerangka pengurusan risiko Universiti. Di samping itu juga, bahagian ini memberi khidmat sokongan dalam pelaksanaan pengurusan risiko pada peringkat PTJ. Proses ini dibantu oleh Pegawai Risiko di setiap PTj di UniMAP.

Objektif pengurusan risiko adalah untuk:

- Mengenalpasti dan menguruskan risiko yang sedia ada dan risiko yang baharu secara terancang dengan kos dan gangguan operasi yang minimum.
- Membangunkan budaya kesedaran terhadap risiko dalam kalangan staf.
- Meningkatkan tahap kepuasan serta kepercayaan pelanggan dan pemegang taruh terhadap UniMAP.
- Mewujudkan suasana persekitaran yang selamat dan kondusif untuk Universiti melaksanakan operasi seperti yang dirancang.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

- a. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti
- b. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster
- c. Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko
- d. Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko PTj

Berikut adalah kemajuan aktiviti Pengurusan Risiko sepanjang tahun 2020:

Bil	Perkara	Tarikh
1	Mesyuarat Pengurusan Risiko Universiti Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bil.1/2020 (PKP)/COVID-19	19/5/2020
2	Perbincangan Deraf Dasar Risiko UniMAP	27/8/2020
3	Perbincangan Deraf Dasar Risiko UniMAP Bil.2	9/9/2020
4	Sesi Perkongsian Berkaitan Pengurusan Risiko Universiti Awam Malaysia	3/11/2020
5	Bengkel Pengurusan Risiko (Anjuran UKM)	7/12/2020

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En. Budiman Ikhwandee Fadzilah & Puan Rozila Romali



LAPORAN AKTIVITI 2020 BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

KEMASUKAN DATA MyMoheS BAGI TEMPOH BERAKHIR DISEMBER 2019

TARIKH	13 Januari 2020
TEMPAT	Pejabat YBhg. Naib Canselor, Tingkat 11, Bangunan KWSP
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik Data MyMoheS
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Menyalurkan data ke Sistem MyMoheS KPT.2. Kemasukan data berakhir 31 Disember 2020.3. Mendapatkan pengesahan data daripada Pengurusan Tertinggi UniMAP sebelum disahkan dalam Sistem MyMoheS.



MESYUARAT KUALITI DATA MyMoheS BAGI TEMPOH BERAKHIR DISEMBER 2019

TARIKH	5 Februari 2020
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Ibnu Baitar 1, Aras 13, KPT
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik Data MyMoheS
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Data UniMAP pada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT). 2. Menyelaras penghantaran data ke KPT. 3. Mengenal pasti setiap data yang memerlukan pembetulan.

MESYUARAT KHAS SQM DAN DMDC UniMAP

TARIKH	21 Februari 2020
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Pusat Digital
PESERTA/KEHADIRAN	SQM & DMDC
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelesaikan isu semasa Sistem MyMoheS (e-anjung) antara pihak SQM dan Pusat Digital, DMDC. 2. Menyelesaikan isu pengurusan antara penyelarasan pentadbiran pihak SQM dan DMDC. 3. Menyelesaikan isu Pusat Data yang dikawal oleh DMDC dan isu pentadbiran di SQM.





KLINIK ePIC UniMAP 2025

TARIKH	26 Februari 2020
TEMPAT	Makmal Inovasi PUSPEK
PESERTA/KEHADIRAN	Semua Setiausaha Teras UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Menyampaikan taklimat penggunaan sistem ePIC kepada Setiausaha Teras UniMAP 2025.2. Mengadakan sesi latihan kemasukan data dalam sistem ePIC.3. Sesi soal jawab berkenaan sistem ePIC.







MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU UNIMAP 2025 BIL.2/2020 KALI KE-5

TARIKH	10 April 2020
KAEDAH	Google Meet
PESERTA/KEHADIRAN	Semua Ahli Jawatankuasa UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membentangkan laporan pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi suku pertama tahun 2020. 2. Membincangkan isu-isu risiko pandemik COVID-19 dalam melaksanakan inisiatif UniMAP 2025. 3. Membincangkan kaedah menangani isu/kekangan yang dihadapi oleh Teras.



MESYUARAT PERSEDIAAN AUDIT SETARA 2019

TARIKH	8 Mei 2020
KAEDAH	Google Meet
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik Data SETARA
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Taklimat persediaan penyediaan data bagi Audit SETARA 2019. 2. Pembentangan mengenai hasil dapatan Audit SETARA 2015 yang lepas. 3. Perbincangan mengenai penambahbaikan penyediaan data bagi Audit SETARA 2019.



MESYUARAT VERIFIKASI DATA SETARA 2019

TARIKH	13 Mei 2020
KAEDAH	Google Meet
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik Data SETARA 2019
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Menyemak semula data yang telah dihantar kepada pihak SQM.2. Memastikan data yang dihantar menepati keperluan pihak Sekretariat SETARA.3. Membuat pengesahan data pada peringkat SQM.




MESYUARAT PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BIL. 1/ 2020 (PKP)/COVID-19

TARIKH	19 Mei 2020
KAEDAH	Google Meet
PESERTA/KEHADIRAN	Semua Pengurusan Tertinggi Universiti dan Ahli Jawatankuasa UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan satu platform pengurusan risiko untuk UniMAP. 2. Membincangkan perkara berbangkit tentang bencana serta kesan kepada universiti. 3. Membentangkan kesan risiko daripada Ketua Kluster. 4. Mendapatkan keputusan skala risiko untuk tindakan lanjut.







MESYUARAT SEMAKAN UNIMAP 2025: KESAN COVID-19

TARIKH	9 Jun 2020
KAEDAH	Google Meet
PESERTA/KEHADIRAN	Ahli Jawatankuasa UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan isu-isu risiko yang memberi kesan kepada inisiatif pelaksanaan UniMAP 2025. 2. Membentangkan risiko yang dihadapi semasa COVID-19 menular. 3. Membuat penambahbaikan atau pemulihan perancangan dalam menangani isu COVID-19.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL UniMAP 2025 BIL.2/2020 KALI KE-5

TARIKH	13 Julai 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Ahli Jawatankuasa UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembentangan laporan pencapaian UniMAP 2025 bagi suku ke-2 tahun 2020. 2. Mengemaskini data dalam sistem ePIC. 3. Membincangkan hal berkaitan masalah teknikal dalam sistem ePIC.




KLINIK ePIC (BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO)

TARIKH	27 Julai 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Strategi dan Pengurusan Risiko
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan sesi taklimat bagi sistem ePIC. 2. Sesi perbincangan penambah baikan sistem ePIC. 3. Sesi latihan kemasukan data dalam sistem ePIC.



TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM *DASHBOARD* UniMAP 2025

TARIKH	10 Ogos 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Setiausaha Teras UniMAP 2025 & Pemilik Data KPI
OBJEKTIF	Menyediakan panduan kemasukan data kepada Setiausaha Teras dan pemilik data PTj. Penambahbaikan sistem dilaksanakan hasil daripada maklumbalas yang diterima dalam sesi taklimat.



PERBINCANGAN BERKAITAN *QUACQUARELLI SYMONDS (QS) ACADEMIC REPUTATION SURVEY* DENGAN PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK

TARIKH	24 Ogos 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi taklimat dan pengenalan tentang <i>QS Academic Reputation Survey</i>. 2. Membincangkan penetapan kaedah pengumpulan maklumat dan senarai nama ahli akademik daripada rangkaian pakatan strategik luar UniMAP yang boleh memberikan reputasi yang baik tentang UniMAP.



TAKLIMAT *TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKINGS & QUACQUARELLI SYMONDS (QS) ACADEMIC AND EMPLOYER REPUTATION*

TARIKH	26 Ogos 2020
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Senat, PPK Mekantronik, UniMAP
PESERTA/KEHADIRAN	Timbalan-Timbalan Dekan, JIPK, RMC, Ketua-Ketua Institut, dan Ketua-Ketua COE.
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Memberi taklimat tentang QS Academic dan Employer Reputation.2. Membentangkan laporan keputusan QS WUR (data 2019), QS Asia (data 2019) dan THE Impact Rankings (data 2018).3. Mengadakan sesi soal jawab berkenaan <i>QS Academic & Employer Reputation & THE Impact Rankings</i>.



PERBINCANGAN *QUACQUARELLI SYMONDS* (QS) *ACADEMIC AND EMPLOYER REPUTATION* BERSAMA PUSAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN DIGITAL (DMDC) UniMAP

TARIKH	26 Ogos 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko & Wakil DMCM
OBJEKTIF	Membincangkan kaedah pengumpulan data yang efektif bagi QS Academic dan Employer Reputation sebagai langkah penambahbaikan untuk kitaran penghantaran data tahun 2020.



PERBINCANGAN DERAJAT DASAR RISIKO UniMAP

TARIKH	27 Ogos 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko
OBJEKTIF	Membincangkan pembangunan Dasar Risiko Universiti.



PERBINCANGAN *QUACQUARELLI SYMONDS* (QS) *ACADEMIC REPUTATION SURVEY* BERSAMA PUSAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN DIGITAL (DMDC) UniMAP BIL.2

TARIKH	2 September 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	SQM dan wakil DMDC
OBJEKTIF	Sesi perbincangan tentang sistem dan kaedah pengumpulan data serta maklumat daripada pemilik data.



TAKLIMAT *TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKINGS* BERSAMA JABATAN PENDAFTAR, JABATAN BENDAHARI DAN PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG DAN INTEGRITI (LIO)

TARIKH	9 September 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	SQM dan wakil Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Pejabat Penasihat Undang-Undang & Integriti
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi taklimat tentang THE Impact Rankings. 2. Membenteng laporan keputusan THE Impact Rankings (Data 2018). 3. Mengadakan sesi soal jawab berkenaan THE Impact Rankings.



PERBINCANGAN DERAJAT DASAR RISIKO

UniMAP BIL. 2

TARIKH	9 September 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Membincangkan pembangunan derajad Dasar Risiko Universiti.2. Mengemaskini derajad Dasar Risiko Universiti.



MESYUARAT PENAMBAHBAIKAN SISTEM *DASHBOARD* UniMAP 2025

TARIKH	10 September 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko & Wakil JIPK dan DMDC
OBJEKTIF	pemandu



SESI PERBINCANGAN *QUACQUARELLI SYMONDS (QS) ACADEMIC REPUTATION, EMPLOYER REPUTATION DAN TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKINGS*

TARIKH	21 September 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko , Timbalan Dekan JIPPK, CeicNet dan AMC
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi taklimat tentang QS Academic & Employer Reputation, and THE Impact Rankings.. 2. Membentangkan laporan keputusan QS WUR dan QS Asia (Data 2019). 3. Mengadakan sesi soal jawab berkenaan QS Academic & Employer Reputation and THE Impact Rankings.



SESI PERBINCANGAN *TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKINGS* BERSAMA PUSAT PENGURUSAN TENAGA & KAMPUS LESTARI

TARIKH	22 September 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan Bahagian Strategi Dan Pengurusan Risiko & Pasukan Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi taklimat tentang THE Impact Rankings. 2. Mengadakan sesi soal jawab berkenaan THE Impact Rankings.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN & PEMERINGKATAN GLOBAL UNIVERSITI (UGRC) UniMAP BIL.1/2020

TARIKH	22 Oktober 2020
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik 1
PESERTA/KEHADIRAN	Pengurusan Tertinggi UniMAP, Penolong Naib Canselor & Wakil Profesor UniMAP
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membentangkan keputusan QS WUR (Data 2020) dan keputusan QS Star Online Learning (Data 2020; Pandemik COVID-19) kepada jawatankuasa penarafan dan pemeringkatan global. 2. Penyelarasan data bagi unit-unit yang dilantik untuk menyumbang, mengemaskini dan membentangkan data-data kepada UGRC.



BENGKEL SEMAKAN UniMAP 2025 (FASA II: 2020-2022)

TARIKH	2 – 3 November 2020
TEMPAT	Hotel Seri Malaysia Kangar Perlis
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Taklimat oleh Penolong Naib Canselor tentang hala tuju UniMAP bagi Fasa II: Tahun 2021-2022.2. Membentangkan KPI & Sasaran baharu oleh Ketua Teras UniMAP 2025.



SESI PERKONGSIAN BERKAITAN PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

TARIKH	3 November 2020
KAEDAH	(Cisco webex) https://utm.webex.com/utm/j.php?MTID=me7187ee327a941eee0c45d5943c93fd4
PESERTA/KEHADIRAN	Bahagian Pengurusan Risiko Universiti Awam
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memahami pengurusan risiko-risiko, pengurusan risiko, dan kepentingan di universiti awam; 2. Berkongsi idea dan isu-isu pelaksanaan pengurusan risiko dalam pendidikan tinggi- pengalaman – UTM; dan 3. Mengenal pasti kaedah melaksana pengurusan risiko di UA – pendekatan dan pengurusan risiko.


Sesi Perkongsian
PENGURUSAN RISIKO
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
3 November 2020

Pembentang :
Cik Norti Hj. Sirin
Ketua
Bahagian Pengurusan Kualiti, Jabatan Pendaftar

UMS KAMPUS RAHMAH
TERAS KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

TAKLIMAT SUSULAN BENGKEL UniMAP 2025 (FASA II: 2020-2022)

TARIKH	9 November 2020
KAEDAH	Google Meet
PESERTA/KEHADIRAN	Setiausaha Teras UniMAP 2025
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Taklimat oleh Penolong Naib Canselor tentang persediaan penerbitan Dokumen UniMAP 2025 2. Penyampaian maklumat tentang keperluan Teras dalam menyediakan KPI & Sasaran baharu.




SESI PERBINCANGAN TERAS KECEMERLANGAN BAKAT

TARIKH	17 November 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	SQM & Pasukan Teras Kecemerlangan Bakat
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan cadangan KPI dan sasaran baharu Teras. 2. Membentang justifikasi perubahan KPI dan sasaran bagi tahun 2021-2022.



SESI PERBINCANGAN eQdoc, ePIC & DASHBOARD UniMAP 2025 BERSAMA DMDC

TARIKH	2 Disember 2020
TEMPAT	Bilik Diskusi SQM
PESERTA/KEHADIRAN	Semua Pegawai SQM & Wakil DMDC
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Membincangkan cadangan penambahbaikan sistem eRBT sedia ada.2. Membangunkan menu risiko dalam sistem ePIC.3. Menetapkan terma yang digunakan dalam manual risiko.



BENGGKEL PENGURUSAN RISIKO ANJURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

TARIKH	7 Disember 2020
KAEDAH	(Zoom meeting) https://ptmukm.zoom.us/j/94926094610?pwd=a3ViVU9hbDIBV2s5V3ZCVW13ODc1dz09
PESERTA/KEHADIRAN	Bahagian Pengurusan Risiko Universiti Awam
OBJEKTIF	Memberikan pendedahan dan berkongsi maklumat berkaitan pengurusan risiko (amalan UKM) yang boleh diaplikasikan kepada semua IPT dan organisasi di Malaysia.

TOPICS COVERED

Understanding the difference between Quantitative and Qualitative Risk Management

Methods used in Quantitative Risk Management

- a) Quantitative Approach in Risk Identification
- b) Quantitative Approach in Risk Assessment

Methods to Risk Assessment

Monte Carlo Simulation

1. What are Historical Simulation, Monte Carlo Simulation and Monte Carlo Principles?
2. Why is simulation useful?
3. Comparing simulation with traditional analysis
4. Basic concepts of simulation:
 - a. Definition of random variables and random process
 - b. Definition of Distribution
 - c. Probability Distribution Function, Cumulative Distribution Function
 - d. Scale, shape and location values
 - e. Random Sampling and Random Number Generation
5. Distribution Fitting : Single and Multiple Variables
6. Running Monte Carlo Simulations.
7. Using Forecast charts and confidence Intervals
8. Correlations and Precision Controls

Methods of Risk Identification

- a. Tornado and Sensitivity Analysis in Simulation
- b. Methods of forecasting
- c. Optimization

Practical Example of Quantitative Risk Assessment

- a. Application of Simulation in Risk Assessment (Rental Risk Assessment)
- b. Value at Risk Calculation (Historical Simulation and Monte Carlo Simulation)



WORKSHOP: RISK EVALUATION & QUANTIFICATION USING RISK SIMULATOR

**INSTRUCTOR: PROF. DR. ZAIDI ISA (CORM)
DIRECTOR
CENTRE FOR RISK MANAGEMENT, OCCUPATIONAL SAFETY AND
HEALTH (ROSH-UKM)**

**16TH DECEMBER 2020
9.00 AM - 4.30 PM
PLATFORM : ZOOM**

Organized by:
Centre For Risk Management, Occupational Safety
and Health
www.ukm.my/rosh
ROSH-UKM




SCAN QR CODE FOR
REGISTRATION



Prof. Dr. Zaidi bin Isa is the Director of the Center for Risk Management, Occupational Safety and Health, University Kebangsaan Malaysia (ROSH-UKM). He holds a bachelor's degree in Actuarial Science, a Master's Degree in Business Administration (Finance), a Doctor of Philosophy (Financial Risk Modeling) and a Certified in Quantitative Risk Management (CORM) from the International Institute of Professional Education and Research, USA (IIPER). He is an Academic Member at the UKM School of Mathematical Sciences and delivered lectures related to the field of Risk Modeling (Time Series) Applied Statistics, Econometrics and Investment.

Prof. Dr. Zaidi is also frequently involved with research focused on Financial Time Series Modeling, Financial Risk Management and Applied Statistics issues in various fields. He also has the experience of collaborating in conducting research together with several institutions such as the Pharmacy Department of the Ministry of Health Malaysia (MOH), the Institute of Understanding Malaysia (IKIM), the Malaysian Life Insurance Association (LIAM) and the Malaysian Deposit Insurance Corporation (PIDM).

He is often the guest speaker for workshops related to Quantitative Risk Management, Risk Management in ISO 9001:2015, Quantitative Research Methods and Risk Modeling. He has received the best scholarly article award by the Malaysian Scientific Publications Council (MAPIM) 2008, Best Book Award by the Malaysian Mathematical Science Association (PERSAMA) 2016, Best Research by the Securities Commission (Capital Market Award) 1996, Standard Chartered Gold Award (Best Student) 1996.



BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI

Bahagian Kualiti & Akreditasi, secara amnya, bertanggungjawab menjalankan dua fungsi utama. Pertama, bahagian ini memastikan penilaian serta pengawasan jaminan kualiti berterusan dilaksanakan di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran universiti. Manakala fungsi yang kedua adalah secara umumnya, melibatkan pengurusan keperluan akreditasi serta perolehan pengiktirafan daripada badan kelayakan bagi semua program-program akademik yang ditawarkan di universiti.

PENGURUSAN KUALITI

SISTEM PENGURUSAN KUALITI UniMAP

Pengurusan kualiti UniMAP telah menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001. Pada 16 Julai 2010, UniMAP telah berjaya memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop persijilan UniMAP merangkumi pemberian perkhidmatan pendidikan tinggi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian). Bermula dengan MS ISO 9001:2008, UniMAP telah membuat peralihan kepada MS ISO 9001:2015 (Quality Management Systems) pada tahun 2016. MS ISO 9001:2015 memberi penekanan kepada prinsip pengurusan kualiti seperti berikut:

- tumpuan kukuh terhadap pelanggan
- motivasi pengurusan tertinggi
- penglibatan semua orang dalam organisasi
- pendekatan proses
- pembuatan keputusan berasaskan bukti
- penambahbaikan berterusan.
- pengurusan perhubungan

Penggunaan Sistem Pengurusan Kualiti ini membantu UniMAP memastikan perkara berikut:

- Pengurusan teras utama universiti yang lebih berkesan dalam memastikan keperluan pelanggan dan pemegang taruh dapat dipenuhi, justeru menghasilkan *output* yang lebih baik dari segi kualiti pelajar, bakat-bakat lain, perkhidmatan dan kepuasan pelanggan;
- Kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, memandangkan prosedur teras universiti dilaksanakan berdasarkan proses dan prosedur jelas yang memberi penekanan kepada pengurangan pembaziran (masa, usaha, kos) dan penggunaan sumber secara optimum;
- Penambahbaikan berterusan, yang memerlukan UniMAP untuk sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, melalui semakan proses dan maklum balas pelanggan; dan
- Peningkatan kedudukan UniMAP sebagai pembekal perkhidmatan pengajian tinggi yang mempunyai daya saing yang tinggi, justeru memberi keterlihatan pasaran yang baik dan kredibiliti kepada universiti.

PROSES AUDIT SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) UniMAP

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UniMAP telah merancang proses audit berkala setiap tahun iaitu Audit Dalam SPK dilaksanakan pada bulan November dan Audit Badan Pensijilan Luar oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. dilaksanakan pada bulan Jun setiap tahun untuk memantau pelaksanaan SPK di UniMAP.

Audit Dalam SPK Tahun 2020

- Audit Dalam SPK telah dilaksanakan pada 19 November sehingga 22 Disember 2020.
- Melibatkan 20 kumpulan audit dalaman yang terdiri daripada 42 orang Juruaudit Dalaman.
- Sebanyak 14 Pusat Tanggungjawab dan 6 Fakulti telah diaudit untuk menyemak keberkesanan SPK yang dilaksanakan berdasarkan prosedur kualiti dan piawaian MS ISO 9001:2015.

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS

- UniMAP telah melalui audit pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh 2 orang juruaudit SIRIM QAS pada 8 hingga 10 Julai 2020. Perancangan awal adalah pada bulan Jun tetapi ditunda disebabkan oleh pandemik COVID-19.
- Proses audit dilaksanakan secara 50% bersemuka dan 50% atas talian.
- Pusat tanggungjawab yang terlibat adalah
 - Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
 - Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
 - Institut Matematik Kejuruteraan
 - Pusat Kokurikulum
 - Pusat Pengurusan Akademik
 - Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti
- Hasil penemuan audit pemantauan, UniMAP berjaya meneruskan pensijilan MS ISO 9001:2015 dengan 3 Laporan Penambahbaikan dilaporkan.

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

